



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Fail : MBSA/PTD/SM/100 - 1/1 Jld. 2 (2)

Tarikh : 9 April 2013
28 Jamadilawal 1434H

Kepada;

Semua Pegawai dan Kakitangan
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ Puan,

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD PERAYAAN VAISAKHI

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bil. JPA(S)223/8/3 KLT. 18 (46) bertarikh 31 Januari 2013 mengenai Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi kepada semua penjawat awam penganut Sikh adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis di dalam mesyuaratnya pada 22 Mac 2013 telah bersetuju menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bil. JPA(S)223/8/3 KLT. 18 (46) bertarikh 31 Januari 2013 mengenai Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi pada **14 April** setiap tahun kepada semua **pegawai dan kakitangan** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) **penganut Sikh** bagi memberi kemudahan mereka menunaikan tanggungjawab keagamaan.

3. Sehubungan dengan itu Pegawai dan Kakitangan MBSA penganut Sikh perlu membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Cuti Tanpa Rekod yang boleh didapati di Bahagian sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

s.k. 1. Datuk Bandar

2. Timbalan Datuk Bandar